

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING
(TAIPING)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci sumbangan hasil syarikat-syarikat Government Link Company (GLC) seperti Petronas, Maybank, CIMB Bank masing-masing kepada Kerajaan dari tempoh 2008 hingga tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sumbangan hasil GLC kepada Kerajaan adalah dalam bentuk cukai manakala hasil dividen dibayar kepada pemegang saham dan tidak terus kepada Kerajaan. Antara

tahun 2008 hingga 2013, GLC utama di bawah Program Transformasi GLC atau G20 telah menyumbang kira-kira RM40.9 bilion dalam bentuk cukai kepada Kerajaan. Sejumlah RM66.5 bilion pula dibayar oleh GLC dalam bentuk dividen kepada pemegang saham, sebagai contoh Maybank yang membayar dividen kepada Permodalan Nasional Bhd dan CIMB kepada Khazanah Nasional Bhd. Maklumat terperinci mengenainya boleh diperoleh daripada laman web setiap syarikat tersebut.